

HELAIAN KETERANGAN PRODUK – ALLIANCE e-WARISAN

Dikeluarkan oleh;



Diedarkan oleh;

Alliance Islamic Bank Berhad

Sila baca helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan perkhidmatan penulisan wasiat Alliance e-Warisan. Sila pastikan anda membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah yang dimaksudkan Alliance e-Warisan?

Alliance e-Warisan ialah produk perkhidmatan penulisan wasiat digital yang diperkenalkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dengan kerjasama Rakyat Trustee Berhad. Ia bertujuan membantu individu menyediakan dokumen wasiat mereka dengan cara yang lebih mudah, cepat, dan selamat melalui platform dalam talian.

2. Apakah yang dimaksudkan wasiat?

Wasiat adalah lqar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia meninggal dunia. (Seksyen 2, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999).

Untuk Bukan Islam, Wasiat adalah dokumen pengisytiharan yang membenarkan seseorang individu untuk melantik Wasi atau Pentadbir dan Pemegang Amanah (termasuk Perjanjian Amanah) untuk mentadbir dan mengagihkan harta dan asetnya kepada benefisiari setelah dia meninggal dunia, dan tertakluk kepada Akta Wasiat 1959.

3. Bagaimanakah syarat kelayakan pewasiat?

Seseorang adalah layak menjadi pewasiat sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Individu yang berumur 18 tahun ke atas atau bagi negeri Sabah, 21 tahun ke atas.
- ii. Waras akal fikirannya sewaktu mendaftar Wasiat; dan
- iii. Bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa.

4. Apakah yang dikatakan Wasiat terakhir ?

Wasiat terakhir adalah wasiat yang terkini ditulis oleh simati. Wasiat ini akan digunapakai dalam urusan untuk mendapatkan Geran Probet daripada mahkamah dan seterusnya proses pencairan harta simati.

5. Apakah Wasiat Digital?

Wasiat Digital ialah Wasiat yang ditandatangani secara digital yang mematuhi terma-terma dan dikawal selia oleh Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan-peraturan Tandatangan Digital 1998 dengan pihak berkuasa berperakui dengan mengeluarkan Sijil Perakuan kepada pelanggan yang memohon serta diselia sepenuhnya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

6. Bagaimana cara untuk membuat Wasiat Digital Komprehensif?

Wasiat Digital Komprehensif boleh disediakan melalui Portal Pelanggan dengan melengkapkan maklumat yang diperlukan serta memuat naik dokumen sokongan. Antara langkah yang perlu dilakukan termasuklah:

- i. Menetapkan pembahagian harta, termasuk peruntukan sehingga 1/3 bahagian kepada penerima bukan waris, selaras dengan garis panduan Syariah.
- ii. Melantik penjaga harta (guardian of property) untuk anak bawah umur atau benefisiari kurang upaya bagi memastikan aset mereka diuruskan dengan selamat dan teratur.
- iii. Menyenaraikan secara lengkap semua harta alih, harta tak alih dan liabiliti.
- iv. Memuat naik dokumen sokongan bagi pengesahan rekod harta, liabiliti dan benefisiari.
- v. Menyemak dan mengesahkan maklumat sebelum proses tandatangan digital dilakukan melalui sistem tandatangan berakreditasi yang mematuhi undang-undang.

7. Apakah fi yang perlu dibayar untuk perkhidmatan ini?

Fi perkhidmatan penulisan Wasiat Digital adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap dokumen Wasiat yang lengkap didaftarkan. Sebarang pindaan atau kemas kini Wasiat adalah percuma selagi mana dibuat melalui Portal Pelanggan sepanjang tempoh perkhidmatan.

8. Berapakah fi pentadbiran harta pusaka untuk melaksanakan wasiat ?

Fi Pentadbiran Harta Pusaka Berwasiat yang dikenakan ialah 1.8% daripada jumlah dan nilai terkini keseluruhan harta pewasiat semasa proses pentadbiran pusaka dijalankan. Fi ini tidak termasuk kos pihak ketiga, seperti Fi mahkamah, Kos carian harta, Duti setem, Fi penilaian profesional atau Caj institusi kewangan atau agensi berkaitan.

9. Bagaimanakah cara untuk mengakses Wasiat Digital?

Wasiat Digital boleh diakses secara atas talian melalui mana-mana peranti elektronik dengan log masuk ke Portal Pelanggan menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang dihantar ke emel berdaftar semasa pendaftaran.

10. Perlukah Wasiat Digital disimpan sendiri salinannya?

Pelanggan boleh menyimpan salinan fizikal Wasiat Digital dengan memuat turun dan mencetaknya melalui Portal Pelanggan. Pelanggan juga boleh log masuk ke portal pada bila-bila masa untuk melihat atau memuat turun semula versi Wasiat yang terkini dan sah.

11. Apakah kelebihan Penulisan Wasiat?

- i. Mempercepatkan proses pengurusan dan pentadbiran pusaka melalui pelantikan Rakyat Trustee Berhad sebagai Wasi yang merupakan Syarikat Amanah berdaftar, sekali gus mengelakkan kelewatan dan pertikaian selepas kematian pewasiat. Membolehkan pewasiat menyenaraikan harta alih, harta tak alih dan hutang dengan teratur bagi memudahkan Wasi dan waris melaksanakan pentadbiran pusaka dengan tepat dan jelas.
- ii. Membolehkan pewasiat menyampaikan hasrat pengagihan harta sehingga satu pertiga (1/3) kepada bukan waris bagi tujuan kebajikan atau penerima pilihan yang dibenarkan oleh Syariah.
- iii. Menjamin kebajikan anak bawah umur atau kurang upaya melalui pelantikan Wasi dan Penjaga Harta yang dipercayai untuk mengurus aset dan kepentingan mereka selepas kematian pewasiat.

12. Konsep Syariah untuk Alliance e-Warisan

Wasiat	Satu perisytiharan yang dibuat oleh seseorang semasa hayatnya ke atas harta atau manfaatnya, untuk memenuhi tujuan kebajikan atau mana-mana tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang Syariah, yang berkuat kuasa selepas kematiannya.
Wasi	Wasi ialah individu atau organisasi yang dilantik oleh pewasiat semasa hayatnya – dalam kes ini, Rakyat Trustee Berhad – untuk bertindak sebagai pentadbir dan pemegang amanah yang bertanggungjawab menguruskan harta pusaka serta melaksanakan hasrat dan arahan pewasiat selepas kematiannya.
Faraid	Pembahagian harta pusaka selepas kematian seorang Muslim seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang Syariah kepada waris yang berhak dan layak.
Wakalah	Ia merujuk kepada pemindahan tanggungjawab oleh seseorang (Muwakkil) kepada individu lain (wakil), dengan bayaran yang dipersetujui (fi Wakalah) dan terma tertentu, di mana wakil dipercayai untuk melaksanakan tanggungjawab yang dipindahtangankan.

13. Untuk maklumat lanjut, hubungi kami untuk mendapatkan konsultasi PERCUMA.

RAKYAT TRUSTEE BERHAD
Suite 1, Tingkat 24, Menara TH Selborn,
No 153, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur
Talian Mesra Rakyat: +603 2602 2722
Emel: admin@rakyattrustee.com
Laman Sesawang: www.rakyattrustee.com

Versi 2/2025
Tarikh kemaskini: 19 November 2025